

MEI  
2023

*Aspirasi  
Kegemilangan*

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

# PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | [www.pknpp.gov.my](http://www.pknpp.gov.my)

## TAHNIAH KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PKNP DI ATAS PEMAKAIAN PANGKAT MEJAR (KEHORMAT)



Sekalung tahniah diucapkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar di atas pemakaian pangkat Mejar (Kehormat) Ahli Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah Negeri Pahang pada 1 Jun 2023.

Majlis pemakaian pangkat telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Seri Mohammad bin Ab Rahman.

Majlis ini telah berlangsung di Wisma Perwira Tentera Darat, Kem Perdana Sungai Besi, Selangor bersempena Hari Ulang Tahun Rejimen Askar Wataniah.

## MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG PKNP 2022 BERSEMPENA HARI PEKERJA 2023

Kuantan, 8 Mei - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar menyampaikan anugerah di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang PKNP 2022 di Dewan Utama EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum, Kuantan.

Dalam ucaptamanya, beliau mengingatkan bahawa semua anggota pekerja PKNP supaya mengekalkan disiplin diri dan terus berintegriti dalam melaksanakan tugas sebagai penjawat awam.

Malah, beliau juga mengingatkan anggota pekerja supaya bekerja dengan ikhlas.

Majlis ini turut melibatkan pemberian Insentif Perkhidmatan 25 Tahun kepada Pengurus Khidmat Perundangan, Puan Salwa binti Mohd Kasim.

Kemuncak majlis adalah penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada 11 orang anggota pekerja PKNP yang telah melak-



Bersama barisan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang PKNP 2022 sanakan tugas dengan cemerlang sepanjang tahun 2022.

Seramai hampir 140 orang anggota pekerja PKNP hadir pada majlis ini.





## TAHNIAH MANTAN AHLI PERBADANAN PKNP YBHG. DATO' FADZILLA BIN SALLEH DI ATAS PELANTIKAN SEBAGAI PENGARAH PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI PAHANG

Tahniah diucapkan kepada YBhg. Dato' Fadzilla bin Salleh di atas pelantikan sebagai Pengarah Pejabat Pembangunan Negeri Pahang berkuatkuasa pada 12 Mei 2023.

Semoga dengan pelantikan ini, Pejabat Pembangunan Negeri Pahang akan terus cemerlang di bawah pentadbiran YBhg. Dato'.

Ikhlas daripada Pengerusi, Ahli Perbadanan, Pengurusan dan Seluruh Anggota Pekerja Kumpulan PKNP.

## PROGRAM CSR PKNP BANTU KURANGKAN BEBANAN RUMAH ANAK YATIM



Program CSR kepada masyarakat turut menjadi fokus PKNP pada tahun 2023

Ketua Pegawai Eksekutif, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Yang Berbahagia Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin turun padang melawat dan sekaligus menyalurkan sumbangan kepada rumah anak yatim dan pusat jagaan ini.

Sebagai sebuah agensi yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi di Negeri Pahang, PKNP juga tidak lupa akan tanggungjawab sosial kepada masyarakat di sekitarnya.

Semoga lawatan dan sumbangan yang disalurkan pada hari ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan bebanan kos harian, melancarkan pengurusan serta pentadbiran rumah - rumah - rumah anak yatim ini.

Kuantan, 11 Mei - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) telah menyalurkan sumbangan kepada 6 buah rumah anak yatim dan pusat jagaan di sekitar daerah Kuantan.

Hadir bersama adalah Pengurus Bahagian Hal Ehwal Korporat, Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim dan Pegawai Perhubungan Awam, Puan Dhaleazafarina Md Zabani.

## PKNP LAKSANA PROGRAM TERAS DI KG. DAMAK, JERANTUT

Jerantut, 17 Mei - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) turun padang ke Kampung Damak, Jerantut bagi melaksanakan Program Transformasi Desa Pahang (TERAS) bersempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Masjid Kampung Damak, Jerantut.

Turut hadir Pegawai Penyelaras Dewan Negeri Kawasan Damak, Encik Haris Salleh bin Hj Hamzah.

Melalui program ini, beberapa sumbangan telah disalurkan antaranya kepada Masjid Kampung Damak, Madrasah Tahfiz Darul Izzah, golongan asnaf dan miskin di sekitar kawasan ini. Malah, kanak - kanak turut diraikan dengan pemberian duit raya dari PKNP.



Kehadiran wakil PKNP disambut mesra oleh AJK Kampung Damak dan orang kampung

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), Kampung Damak dan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP).



## MAJLIS MERAIKAN BAKAL HAJI PKNP 2023



Puan Suliyati menyampaikan ucapan ringkas sebelum pemergian beliau ke tanah suci Mekah

Kuantan, 24 Mei - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) hari ini meraikan anggota pekerja PKNP yang akan mengerjakan ibadah haji.

Yang diraikan adalah Pengurus Bahagian Pemasaran & Pengurusan Harta, Puan Suliyati Abdul Rahman yang akan menunaikan ibadah haji pada 29 Mei 2023 hingga 12 Julai 2023.

Pengurusan PKNP dan seluruh anggota pekerja Kumpulan PKNP mengucapkan selamat mengerjakan ibadah haji dan semoga memperoleh haji mabrur.

## PROGRAM CSR PKNP DI KG NENASI, PEKAN

Pekan, 13 Mei - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang telah melaksanakan program CSR iaitu mengecat tembok balairaya dan tembok tanah perkuburan Kampung JPKK Nenasi, Pekan, Pahang Darul Makmur.

Program ini anjuran AJK Program Kampung Teras PKNP dan Majlis Bersama Jabatan PKNP sesi 2022 - 2024. Program ini telah disertai oleh seramai 15 orang anggota pekerja PKNP.



Selain dari kerja-kerja mengecat, PKNP turut memberikan sumbangan Back To School dan sumbangan raya

## MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PROGRAM “DAH KUGUIH BELOM WEH! SIRI 2



Majlis Penyampaian Hadiah berlangsung dalam suasana santai tapi meriah

Kuantan, 24 Mei - Ketua Pegawai Eksekutif, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar petang tadi menyampaikan hadiah kepada para pemenang Program “Dah Kughuih Belom Weh” Siri 2 di Dewan Utama EDC, Kompleks Teruntum.

Menurut YH. Dato' Mohd Faizal, program ini telah menyediakan platform yang baik kepada para peserta untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat serta menjaga pemakanan. Program ini terbukti memberikan impak yang positif kepada yang terlibat.

Seramai 139 orang peserta yang terdiri daripada anggota pekerja PKNP, anak syarikat PKNP dan isteri - isteri pekerja yang merupakan ahli PUSPANITA PKNP menyertai program yang bermula pada 16 Mac sehingga 18 Mei 2023.

Melalui program ini, seramai 59 orang peserta telah berjaya mencapai berat badan yang ideal. Dari jumlah itu, 19 orang peserta berjaya keluar dari kategori berat badan berlebihan dan mencapai berat badan yang ideal.

Pemenang bagi kategori berat badan berlebihan dimenangi oleh Puan Rohazida binti Harun yang berjaya menurunkan berat badan sebanyak 14.4kg. Tempat kedua dimenangi oleh Puan Hasnah binti Hamid dan tempat ketiga dimenangi oleh Encik Ahmad Nur Azrul bin Che Razali.

Manakala pemenang bagi kategori unggul dimenangi oleh Puan Hafifazlin binti Mohd Kenali yang berjaya menurunkan berat badan sebanyak 8.1kg. Tempat kedua dimenangi oleh Puan Shajatul Saira Aina binti Mohammed Samsudin dan tempat ketiga dimenangi oleh Puan Syafiqah binti Abdul Razak.

Hadir bersama di majlis ini adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Pengerusi PUSPANITA PKNP, Datin Zuhaira Zainordin dan Pengerusi Kelab Keluarga Kumpulan PKNP, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman.





SELAMAT MENYAMBUT

# Hari Wesak

*Ikhtis daripada:*

Pengerusi,  
Ahli Perbadanan, Pengurusan  
dan Seluruh Anggota Pekerja Kumpulan PKNP



## HARI HOL NEGERI PAHANG

SEMPENA MEMPERINGATI KEMANGKATAN

### Al - Fatihah

AL-MARHUM KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH  
IBNI AL-MARHUM SULTAN ABU BAKAR RI'AYATUDDIN AL-MU'ADZAM SHAH

" Ya Allah Cucurilah Rahmat Ke Atas Roh Baginda "  
22 MEI 2023

*Ikhtis daripada:*

Pengerusi,  
Ahli Perbadanan, Pengurusan  
dan Seluruh Anggota Pekerja Kumpulan PKNP



## lensaPKNP PHOTOGRAPHY

### MESYUARAT AGONG TAHUNAN KOPERASI KAKITANGAN KUMPULAN PKNP PAHANG BERHAD KALI KE - 29



### Bidang Redaksi

**PENAUNG / PENASIHAT**  
Datuk Mohd Faizal bin Jaafar  
**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

**PENYELARAS PENERBITAN**  
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

**KETUA EDITOR**  
Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

**GRAFIK**  
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli

**JURUFOTO**  
Encik Muhammad Amjad bin Mohamad Azhar